



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES

2022

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust"

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / Twitter / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
Emel / *Email* : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Julai 2023 / *Published on July 2023*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“*Source: Department of Statistics Malaysia*”

ISSN 2948 - 4146

KATA PENGANTAR

Penerbitan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentangkan statistik yang meliputi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport, Guna tenaga dan Produktiviti bagi tempoh 2015 hingga 2022. Anggaran penyusunan ini telah mengguna pakai saranan daripada Sistem Akaun Negara 2008.

Laporan ini mengandungi empat bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan ringkasan penemuan dan diikuti oleh jadual statistik terperinci bagi statistik PMKS mengikut jenis aktiviti ekonomi. Nota teknikal dan sumber data turut disediakan bagi memudahkan pemahaman statistik berkenaan.

Statistik ini boleh membantu agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi dan unjuran serta dapat membantu merancang pembangunan perniagaan terutamanya bagi PMKS.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2023

PREFACE

The Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) publication presents statistics on Gross Domestic Product (GDP), Exports, Employment and Productivity for the MSMEs for 2015 to 2022. The estimates are compiled based on the recommendations of the System of National Accounts 2008.

This report contains four main parts. The first part highlighted the summary of findings followed by the detailed statistical tables on the statistics of MSMEs by kind of economic activity. Technical notes and data sources are also included for a better understanding of the statistics.

These statistics could assist government agencies, economists, academicians, as well as individuals in the planning and formulation of policies, economic analysis and projections as well as business development planning for MSMEs.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) acknowledges the cooperation of all parties that have provided the required data and contributed to the success of this publication. Any feedback and suggestions towards improving the future publication are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

July 2023

KANDUNGAN

CONTENTS



i	Kata Pengantar <i>Preface</i>
01	Penemuan Utama <i>Main Findings</i>
03	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>
19	Rencana : Trend Produktiviti Buruh <i>Article : Labour Productivity Trends</i>
31	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>
55	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>
75	Sumber Data <i>Data Sources</i>
79	Simbol & Singkatan <i>Symbols & Abbreviations</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



StatsMalaysia
www.dosm.gov.my



BANI 2024
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN




MALAYSIA MADANI



PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) 2022

KDNK PMKS Malaysia merekodkan prestasi memberangsangkan pada tahun 2022 dengan pertumbuhan **11.6 peratus**

Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK PMKS Malaysia pada Harga Malar 2015



KDNK Malaysia, 2022

pada harga malar 2015

RM1,510.9b | 8.7%

PMKS


RM580.4b
↑ **11.6%** | 1.3%

Bukan PMKS

RM930.5b
↑ **6.9%** | 4.5%


KELUARAN DALAM NEGERI KASAR PMKS

Pertumbuhan: **11.6% | 1.3%**
Sumbangan PMKS kepada KDNK: **38.4%**




GUNA TENAGA PMKS

Sumbangan PMKS kepada Guna Tenaga: **48.2%**
Pertumbuhan: **3.8% | 0.9%**



EKSPORT PMKS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Sumbangan PMKS kepada Ekспорт: **10.5%**
Pertumbuhan: **16.3% | 5.4%**



Nota:
- b merujuk kepada bilion
- Kadar pertumbuhan **2022** | 2021

Sumber: Akaun Negara, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




StatsMalaysia
f @ t v
www.dosm.gov.my



MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (MSMEs) PERFORMANCE 2022

Malaysia's MSMEs' GDP recorded an encouraging performance in 2022 with 11.6 per cent growth

Value and Growth Rate of Malaysia's MSMEs' GDP at Constant 2015 Prices



Malaysia's GDP, 2022

at constant 2015 prices


RM1,510.9b | 8.7%

MSMEs
RM580.4b
↑ 11.6% | 1.3%

Non-MSMEs
RM930.5b
↑ 6.9% | 4.5%


MSMEs' GROSS DOMESTIC PRODUCT

Growth: **11.6%** | 1.3%
Share of MSMEs to GDP: **38.4%**



MSMEs' EMPLOYMENT

Share of MSMEs to Employment: **48.2%**
Growth: **3.8%** | 0.9%



MSMEs' EXPORTS OF GOODS AND SERVICES

Share of MSMEs to Exports: **10.5%**
Growth: **16.3%** | 5.4%



Notes:
- b refers to billion
- Growth rate **2022** | 2021

Source: National Accounts, Micro, Small and Medium Enterprises, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

PENGENALAN

Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) memainkan peranan penting dalam landskap perniagaan Malaysia dengan memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia, secara tidak langsung menyumbang kepada peluang pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, prestasi PMKS boleh berubah dari semasa ke semasa dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti keadaan ekonomi, dasar kerajaan dan ciri-ciri industri tersebut. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan PMKS, termasuk akses kepada pembiayaan, program latihan, sokongan pembangunan perniagaan dan proses kawal selia yang dipermudahkan.

PRESTASI KDNK PMKS 2022


KDNK PMKS Malaysia bertumbuh 11.6 peratus pada tahun 2022 daripada 1.3 peratus pada tahun 2021, melebihi keseluruhan KDNK Malaysia. Senario ini kali terakhir dilihat pada tahun 2019 berdasarkan siri masa KDNK Malaysia dan KDNK PMKS (**Carta 1**).

Carta

1

KDNK: Malaysia, PMKS dan Bukan PMKS bagi 2001-2022 pada Harga Malar - Perubahan Peratusan Tahunan

Pertumbuhan (%)




Nota: ¹Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama KDNK PMKS bagi 2013
²Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2013
³Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama KDNK PMKS bagi 2013
⁴Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2013

Sumbangan PMKS kepada KDNK meningkat kepada 38.4 peratus pada tahun 2022 dengan nilai ditambah sebanyak RM580.4 bilion berbanding 37.4 peratus (nilai ditambah: RM520.0 bilion) pada tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 2**. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terus memainkan peranan penting dalam memacu KDNK PMKS yang mana kedua-dua sektor tersebut mewakili 84.6 peratus daripada KDNK PMKS. Tambahan pula, KDNK PMKS mencatatkan RM670.1 bilion dari segi nominal pada tahun ini (2021: RM575.5 bilion).

Carta

2

Nilai Ditambah dan Sumbangan KDNK PMKS kepada KDNK Malaysia bagi 2015-2022 pada Harga Malar 2015




Nilai ditambah PMKS dalam sektor **Perkhidmatan** pulih kepada 16.4 peratus berbanding penurunan 0.6 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 1**. Pertumbuhan yang kukuh ini disokong oleh kenaikan 15.9 peratus (2021: 0.9%) dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan juga pulih kepada 16.9 peratus (2021: -4.9%). Di samping itu, subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi mencatatkan pengembangan sebanyak 17.8 peratus (2021: 3.4%).

Paparan

1

Perubahan Peratusan Tahunan KDNK PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi bagi 2020-2022 pada Harga Malar 2015



Nilai ditambah PMKS bagi sektor **Pembuatan** pada tahun 2022 merekodkan pertumbuhan 6.0 peratus berbanding 8.4 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor, terutamanya dalam Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang bertumbuh sebanyak 2.6 peratus (2021: 14.7%). Sementara itu, subsektor Makanan, minuman dan tembakau juga meningkat 4.8 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun sebelumnya.


Selain itu, nilai ditambah PMKS dalam sektor **Pembinaan** kembali pulih kepada 4.9 peratus daripada penyusutan 4.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor **Perlombongan & pengkuarian** juga menunjukkan peningkatan sebanyak 8.0 peratus (2021: -3.6%).

Walau bagaimanapun, nilai ditambah PMKS dalam sektor **Pertanian** pada tahun 2022 menurun secara marginal kepada negatif 0.6 peratus (2021: 2.0%). Prestasi yang kurang memberangsangkan ini dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan & pertanian lain (-1.2%) dan Perhutanan & pembalakan (-2.7%).

PENGAGIHAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada aktiviti PMKS dengan 63.6 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 21.0 peratus (**Paparan 2**). Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 9.3 peratus, manakala sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 4.5 peratus dan 0.5 peratus kepada KDNK PMKS.


Paparan 2 Peratus Sumbangan KDNK Malaysia dan PMKS bagi 2022 pada Harga Malar 2015



SUMBANGAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

Dari segi sumbangan KDNK PMKS mengikut jenis aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian menunjukkan peningkatan pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, prestasi ini sebahagiannya diimbangi oleh pengurangan sumbangan dalam sektor Pertanian dan Pembuatan. KDNK PMKS diterajui oleh sektor Pertanian dengan sumbangan sebanyak 54.7 peratus (2021: 55.0%), manakala sumbangan bagi sektor Pembinaan masih kekal pada 49.0 peratus pada tahun 2022 seperti yang ditunjukkan dalam **Paparan 3**.

Paparan **3** Sumbangan KDNK PMKS kepada KDNK Malaysia bagi 2022 pada Harga Malar 2015





Sumbangan KDNK PMKS dalam sektor Perkhidmatan meningkat kepada 41.9 peratus daripada 39.9 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor ini didominasi oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Selain itu, sektor Pembuatan menyumbang 33.5 peratus (2021: 34.2%) daripada KDNK PMKS disokong oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. KDNK PMKS dalam sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan sumbangan 3.0 peratus (2021: 2.9%), sedikit tinggi berbanding tahun sebelumnya.

PRESTASI EKSPORT PMKS 2022

Eksport PMKS merekodkan peningkatan 16.3 peratus pada tahun 2022 dengan nilai sebanyak RM144.5 bilion berbanding 5.4 peratus (2021: RM124.3 bilion) pada tahun sebelumnya. Prestasi tersebut diterajui oleh sektor Perkhidmatan yang memulih kepada 5.7 peratus (2021: -22.6%) dan Pembuatan dengan 19.5 peratus (2021: 16.7%) seperti pada **Carta 3**. Dari segi sumbangan, eksport PMKS merangkumi 10.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2022, terdiri daripada sektor Pembuatan (8.3%), Perkhidmatan (2.0%) dan Pertanian (0.2%).

Eksport PMKS bagi sektor Perkhidmatan meningkat kepada RM27.7 bilion berbanding RM26.2 bilion pada tahun 2021. Peningkatan ini didorong oleh tiga komponen sektor Perkhidmatan iaitu Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan dan Perkhidmatan telekomunikasi, komputer & maklumat.

Carta 3 Peratus Sumbangan 2022 dan Perubahan Peratusan Tahunan Eksport PMKS mengikut Sektor bagi 2018-2022




Sektor Pembuatan merekodkan nilai sebanyak RM113.8 bilion pada tahun 2022 berbanding RM95.2 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini disokong oleh Pelbagai barang keluaran kilang, Barang-barang keluaran kilang dan Jentera & peralatan pengangkutan yang berterusan mendominasi keseluruhan eksport PMKS dengan sumbangan 78.8 peratus pada tahun 2022. Destinasi utama untuk eksport PMKS bagi sektor Pembuatan adalah Singapura yang menyumbang 17.4 peratus, diikuti oleh China (15.0%) dan Amerika Syarikat (11.6%).

Eksport PMKS bagi sektor Pertanian bernilai RM3.0 bilion dengan sumbangan 2.1 peratus daripada jumlah eksport PMKS pada tahun 2022. Sektor Pertanian juga mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus pada tahun yang sama didorong oleh peningkatan dalam eksport PMKS buah-buahan dan sayur-sayuran dengan nilai RM2.0 bilion berbanding RM1.8 bilion pada tahun 2021.

PRESTASI GUNA TENAGA PMKS 2022

Pada tahun 2022, bilangan guna tenaga PMKS terus merekodkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih besar dengan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus berbanding 0.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2021. Dari segi bilangan, guna tenaga PMKS bertambah 279 ribu kepada 7.59 juta orang (2021: 7.32 juta orang). Pertumbuhan yang lebih besar bagi guna tenaga PMKS berbanding peningkatan jumlah guna tenaga Malaysia pada tahun tersebut menunjukkan daya tahan dan kebolehsuaian PMKS dalam menghadapi situasi ekonomi yang mencabar pada tahun 2022. Sepanjang tahun tersebut, guna tenaga PMKS merangkumi 48.2 peratus daripada jumlah keseluruhan guna tenaga Malaysia, meningkat 0.4 mata peratus daripada 47.8 peratus pada tahun 2021 (**Carta 4**).

Guna Tenaga ('000)



■ Guna tenaga Malaysia ■ Guna tenaga Bukan PMKS
■ Guna tenaga PMKS ■ Sumbangan guna tenaga PMKS kepada jumlah guna tenaga (%)

Perubahan Peratusan Tahunan (%)



GUNA TENAGA PMKS MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI 2022

Guna tenaga PMKS dalam sektor Pertanian menurun sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2022 berbanding 1.5 peratus pada tahun sebelumnya untuk merekodkan 788 ribu orang. Pada tahun tersebut, guna tenaga PMKS dalam sektor Pertanian menyumbang 42.3 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini (2021: 42.2%).

Sumbangan guna tenaga PMKS dalam sektor Perlombongan & pengkuarian adalah 27.6 peratus, dengan 21 ribu orang pada tahun 2022. Guna tenaga PMKS dalam sektor ini mencatatkan peningkatan marginal sebanyak 0.1 peratus daripada 0.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Di samping itu, terdapat 1.25 juta guna tenaga dalam PMKS bagi sektor Pembuatan, yang merangkumi 45.9 peratus daripada jumlah guna tenaga sektor Pembuatan (2021: 46.2%). Walaupun sumbangan guna tenaga PMKS dalam sektor ini berkurang pada tahun itu, bilangan guna tenaga meningkat sebanyak 3.0 peratus berbanding 2.0 peratus pada tahun 2021. Ianya disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman dan tembakau (4.6%).

Bagi sektor Pembinaan, guna tenaga PMKS menyumbang 48.4 peratus (670 ribu orang) daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini berbanding 48.2 peratus (668 ribu orang) yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Guna tenaga PMKS dalam sektor ini pulih sedikit 0.2 peratus daripada negatif 0.7 peratus pada tahun 2021.


Pada masa yang sama, bilangan guna tenaga PMKS dalam sektor Perkhidmatan berjumlah 4.87 juta orang, menyumbang 50.1 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini. Dari segi perubahan peratusan tahunan, guna tenaga PMKS dalam sektor Perkhidmatan meningkat 5.3 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.7 peratus pada tahun 2021. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh dua subsektor iaitu Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (5.8%) dan Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan (5.7%).

Pada tahun 2022, guna tenaga PMKS tertumpu terutamanya dalam sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 64.1 peratus, meningkat 0.9 mata peratus daripada 63.2 peratus pada tahun sebelumnya. Guna tenaga PMKS dalam sektor Pembuatan merangkumi 16.4 peratus daripada jumlah guna tenaga PMKS, diikuti oleh sektor Pertanian yang menyumbang 10.4 peratus pada tahun 2022. Tambahan lagi, sumbangan guna tenaga PMKS dalam sektor Pembinaan adalah 8.8 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian adalah yang paling kecil dengan sumbangan 0.3 peratus (**Paparan 4**).

Paparan

4

Guna Tenaga PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi



PRODUKTIVITI BURUH PMKS 2022


Produktiviti buruh PMKS yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat 7.5 peratus (2021: 0.5%) dengan nilai produktiviti sebanyak RM76,433 per pekerja (2021: RM71,089 per pekerja), melepasi nilai semasa prapandemik pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM75,625 per pekerja (**Carta 5**).

Carta


5

Produktiviti Buruh dan Perubahan Peratusan Tahunan bagi 2016-2022

Produktiviti Buruh (RM)



Perubahan Peratusan Tahunan (%)



Legend: ■ Produktiviti buruh Malaysia ■ Produktiviti buruh PMKS ■ Produktiviti buruh Bukan PMKS

Pada tempoh tersebut, pertumbuhan produktiviti buruh PMKS adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan produktiviti buruh Malaysia dan Bukan PMKS yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 5.4 peratus dan 4.3 peratus. Walau bagaimanapun, dari segi nilai produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja PMKS adalah secara konsistennya lebih rendah daripada produktiviti buruh Malaysia (RM95,858 per pekerja) dan Bukan PMKS (RM113,917 per pekerja).

Produktiviti buruh PMKS mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan kesemua sektor mencatatkan peningkatan dalam produktiviti sepanjang tahun 2022 kecuali sektor Pertanian yang mencatatkan pertumbuhan negatif 0.2 peratus. Selain itu, produktiviti buruh PMKS dalam sektor Pembuatan terus meningkat pada kadar yang lebih perlahan 2.8 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, produktiviti buruh PMKS dalam sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembinaan dan Perkhidmatan masing-masing kembali pulih kepada 7.9 peratus, 4.7 peratus dan 10.6 peratus (Paparan 5).

Paparan

5

Produktiviti Buruh PMKS mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi

	Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
2022					
2021					
Produktiviti Buruh PMKS (RM)	68,739	137,490	97,815	39,080	75,775
	68,843	127,478	95,118	37,336	68,536
Perubahan Peratusan Tahunan (%)	-0.2	7.9	2.8	4.7	10.6
	0.5	-3.9	6.2	-3.8	-1.3

INTRODUCTION

Micro, Small & Medium Enterprises (MSMEs) are essential to Malaysia's business landscape since they significantly contribute to the Malaysia's economy, indirectly contribute to the job creation especially in rural areas. However, the performance of MSMEs can change over time, influenced by factors such as economic conditions, government policies and characteristics of the industry. The Malaysian government has implemented a number of efforts to encourage the growth and development of MSMEs, including access to funding, training programmes, business development support and streamlined regulatory procedures.


PERFORMANCE OF MSMEs' GDP 2022

The GDP of Malaysia's MSMEs grew to 11.6 per cent in 2022 from 1.3 per cent in 2021, above Malaysia's overall GDP. The same scenario was last observed in 2019 according to the time series of Malaysia's GDP and that of MSMEs (Chart 1).

Chart

1

GDP: Malaysia, MSMEs and Non-MSMEs for 2001-2022 at Constant Prices - Annual Percentage Change




Notes: ¹Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 Old MSMEs' GDP Definition
²Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 New MSMEs' GDP Definition
³Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 Old MSMEs' GDP Definition
⁴Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' GDP Definition versus 2013 New MSMEs' GDP Definition

The contribution of MSMEs to GDP increased to 38.4 per cent in 2022 with a value added of RM580.4 billion, as compared to 37.4 per cent (value added: RM520.0 billion) in the previous year, as presented in Chart 2. The Services and Manufacturing sectors continued to play a significant role in driving MSMEs' GDP which both sectors represent 84.6 per cent of MSMEs' GDP. Additionally, MSMEs' GDP registered RM670.1 billion in nominal terms this year (2021: RM575.5 billion).

Chart

2

Value Added and Contribution of MSMEs' GDP to Malaysia's GDP 2015-2022 at Constant 2015 Prices




The value added of MSMEs in the **Services** sector rebounded to 16.4 per cent as against a decrease of 0.6 per cent in the preceding year, as shown in **Exhibit 1**. The strong growth was supported by an increase of 15.9 per cent (2021: 0.9%) in the Wholesale & retail trade, food & beverages and accommodation sub-sector. The Finance, insurance, real estate and business services sub-sector also recovered to 16.9 per cent (2021: -4.9%). In addition, the Transportation & storage and information & communication sub-sector registered an expansion of 17.8 per cent (2021: 3.4%).

Exhibit

1

Annual Percentage Change of MSMEs' GDP by Kind of Economic Activity for 2020-2022 at Constant 2015 Prices



MSMEs' value added for the **Manufacturing** sector in 2022 recorded a growth of 6.0 per cent as compared to 8.4 per cent a year before. The performance was driven by positive growth in all sub-sectors, particularly in Petroleum, chemical, rubber and plastic products, which grew by 2.6 per cent (2021: 14.7%). Meanwhile, the Food, beverages and tobacco sub-sector also increased 4.8 per cent as compared to 4.5 per cent in the previous year.


Moreover, the value added of MSMEs in the **Construction** sector rebounded to 4.9 per cent from a decrease of 4.4 per cent in the preceding year. The **Mining & quarrying** sector also showed an increase of 8.0 per cent (2021: -3.6%).

Nevertheless, the value added of MSMEs in the **Agriculture** sector in 2022 decreased marginally to a negative 0.6 per cent (2021: 2.0%). The underwhelming performance was shown to be influenced by the decline in Rubber, oil palm, livestock & other agriculture (-1.2%) and Forestry & logging (-2.7%) sub-sectors.

DISTRIBUTION BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

The Services sector continued to be the main contributor to MSMEs' activities with 63.6 per cent, followed by the Manufacturing sector with 21.0 per cent (**Exhibit 2**). The Agriculture sector contributed 9.3 per cent, while the Construction and Mining & quarrying sectors contributed 4.5 per cent and 0.5 per cent, respectively to MSMEs' GDP.


Exhibit 2 Percentage Share of Malaysia and MSMEs' GDP for 2022 at Constant 2015 Prices



CONTRIBUTION BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY

In terms of MSMEs’ GDP contribution by kind of economic activity, the Services and Mining & quarrying sectors showed an increase in 2022. However, this performance was partially offset by the reduction in the share of the Agriculture and Manufacturing sectors. MSMEs’ GDP was led by the Agriculture sector with a share of 54.7 per cent (2021: 55.0%), whereas the share for the Construction sector still remain at 49.0 per cent in 2022, as portrayed in **Exhibit 3**.

Exhibit 3 Contribution of MSMEs’ GDP to Malaysia’s GDP for 2022 at Constant 2015 Prices



The share of MSMEs’ GDP in the Services sector rose to 41.9 per cent from 39.9 per cent in the previous year. The sector was dominated by Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation sub-sectors. In addition, the Manufacturing sector contributed 33.5 per cent (2021: 34.2%) of MSMEs’ GDP, supported by Petroleum, chemical, rubber and plastic products. MSMEs’ GDP in the Mining & quarrying sector recorded a share of 3.0 per cent (2021: 2.9%), slightly higher than the previous year.


PERFORMANCE OF MSMEs’ EXPORTS 2022

Exports of MSMEs recorded an increase of 16.3 per cent in 2022 with a value of RM144.5 billion as compared to 5.4 per cent (2021: RM124.3 billion) in the preceding year. The performance was led by Services sector which rebounded to 5.7 per cent (2021: -22.6%) and Manufacturing with 19.5 per cent (2021: 16.7%) as in **Chart 3**. In terms of contribution, exports of MSMEs represented 10.5 per cent of the total exports in 2022, comprises of Manufacturing (8.3%), Service (2.0%) and Agriculture (0.2%) sectors.

MSMEs' exports of Services sector increased to RM27.7 billion as compared to RM26.2 billion in 2021. This increment was supported by three components of Services sector which were Other business services, Transportation and Telecommunications, computer & information services.

Chart

3 Percentage Share 2022 and Annual Percentage Change of MSMEs' Exports by Sector for 2018-2022



The Manufacturing sector recorded a value of RM113.8 billion in 2022 as compared to RM95.2 billion in the previous year. This sector was supported by Miscellaneous manufactured articles, Manufactured goods and Machinery & transport equipment which continued to dominate total MSMEs' exports with a share of 78.8 per cent in 2022. The major destination for MSMEs' exports for Manufacturing sector were Singapore, which constituted of 17.4 per cent, followed by China (15.0%) and the United States of America (11.6%).

MSMEs' exports of Agriculture sector was RM3.0 billion with a share of 2.1 per cent of the total MSMEs' exports in 2022. Agriculture sector also recorded a growth of 6.2 per cent in the same year, driven by the increase in MSMEs' exports of fruits and vegetables with a value of RM2.0 billion as compared to RM1.8 billion in 2021.

PERFORMANCE OF MSMEs' EMPLOYMENT 2022



In 2022, MSMEs' employment continued to record a larger year-on-year increase with a growth of 3.8 per cent as compared to 0.9 per cent posted in 2021. In terms of numbers, MSMEs' employment surged by 279 thousands to record a total of 7.59 million persons (2021: 7.32 million persons). This larger growth in MSMEs' employment as against an increase in Malaysia's employment during the year indicates the resilience and adaptability of MSMEs in facing the challenging economic situation in 2022. During the year, MSMEs' employment comprised 48.2 per cent of total Malaysia's employment, increased 0.4 percentage points from 47.8 per cent in 2021 (Chart 4).

Chart

4

Employment and Annual Percentage Change for 2016-2022

Employment ('000)



■ Malaysia's employment ■ Non-MSMEs' employment
■ MSMEs' employment ■ Contribution of MSMEs' employment to total employment (%)

MSMEs' EMPLOYMENT BY KIND OF ECONOMIC ACTIVITY 2022

MSMEs' employment in the Agriculture sector declined by 0.4 per cent in 2022 as compared to 1.5 per cent in the previous year to record 788 thousand persons. During the year, MSMEs' employment in the Agriculture sector contributed 42.3 per cent from the overall employment in this sector (2021: 42.2%).

The contribution of MSMEs' employment in the Mining & quarrying sector was 27.6 per cent, with 21 thousand persons in 2022. MSMEs' employment in this sector posted a marginal increase of 0.1 per cent from 0.3 per cent in the preceding year.


Furthermore, there were 1.25 million workers in the MSMEs' Manufacturing sector, which comprised 45.9 per cent of the Manufacturing's total employment (2021: 46.2%). Although the share of MSMEs' employment in this sector declined during the year, the number of employment increased by 3.0 per cent as compared to 2.0 per cent in 2021. This was supported by Food, beverages and tobacco sub-sector (4.6%).

As for the Construction sector, MSMEs' employment contributed 48.4 per cent (670 thousand persons) of overall employment in this sector as compared to 48.2 per cent (668 thousand persons) recorded last year. MSMEs' employment in this sector rebounded marginally by 0.2 per cent from a negative 0.7 per cent in 2021.

In the meantime, the number of MSMEs' employment in the Services sector accounted for 4.87 million persons, contributing 50.1 per cent of overall employment in this sector. In terms of annual change, MSMEs' employment in the Services sector grew 5.3 per cent as compared to marginal growth of 0.7 per cent in 2021. The increase was largely contributed by two sub-sectors, namely Transportation & storage and information & communication (5.8%) and Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation (5.7%).

In 2022, MSMEs' employment was mainly concentrated in the Services sector with a share of 64.1 per cent, which increased by 0.9 percentage points from 63.2 per cent in the preceding year. MSMEs' employment in the Manufacturing sector comprised 16.4 per cent of total MSMEs' employment, followed by the Agriculture sector which accounted for 10.4 per cent in 2022. In addition, the share of MSMEs' employment in the Construction sector was 8.8 per cent, while the Mining & quarrying sector was the smallest with a 0.3 per cent contribution (**Exhibit 4**).

MSMEs' LABOUR PRODUCTIVITY 2022




MSMEs' labour productivity as measured by value added per employment grew by 7.5 per cent (2021: 0.5%) with a productivity value at RM76,433 per person (2021: RM71,089 per person), surpassing the pre-pandemic value in 2019 of RM75,625 per person (**Chart 5**).

Chart


5

Labour Productivity and Annual Percentage Change for 2016-2022

Labour Productivity (RM)



Annual Percentage Change (%)



Legend: Malaysia's labour productivity (grey), MSMEs' labour productivity (red), Non-MSMEs' labour productivity (dark blue)

During the period, MSMEs' labour productivity growth was higher than Malaysia's labour productivity and Non-MSMEs', which posted an increase of 5.4 per cent and 4.3 per cent respectively. However, regarding labour productivity level, the value added per employment for MSMEs was consistently lower than Malaysia's (RM95,858 per person) and Non-MSMEs' labour productivity (RM113,917 per person).

MSMEs' labour productivity by economic activity showed that all sectors recorded an increase in productivity during 2022 except for the Agriculture sector, which posted a negative growth of 0.2 per cent. Besides that, MSMEs' labour productivity in the Manufacturing sector continued to increase at a slower rate of 2.8 per cent as compared to the previous year. Meanwhile, MSMEs' labour productivity in the Mining & quarrying, Construction and Services sectors rebounded to 7.9 per cent, 4.7 per cent and 10.6 per cent respectively (Exhibit 5).

Exhibit

5

MSMEs' Labour Productivity by Kind of Economic Activity

	Agriculture	Mining & quarrying	Manufacturing	Construction	Services
2022					
2021					
MSME's Labour Productivity (RM)	68,739	137,490	97,815	39,080	75,775
	68,843	127,478	95,118	37,336	68,536
Annual Percentage Change (%)	-0.2	7.9	2.8	4.7	10.6
	0.5	-3.9	6.2	-3.8	-1.3

RENCANA

TREND PRODUKTIVITI BURUH: PERBANDINGAN ANTARA PMKS DAN BUKAN PMKS DI MALAYSIA


Muhammad Shafiq Harun¹; Zainol Jamil²

^{1,2} Biro Statistik Buruh Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia

1.0 Pengenalan

Produktiviti buruh adalah pendorong penting terhadap pertumbuhan ekonomi kerana ia mengukur kecekapan dan hasil keluaran pekerja. Tahap produktiviti buruh yang tinggi menunjukkan bahawa pekerja menghasilkan lebih banyak barangan atau perkhidmatan dalam tempoh tertentu, menyebabkan penjimatan kos, peningkatan daya saing dan peningkatan taraf hidup. Ini membolehkan perniagaan memaksimumkan hasil keluaran mereka dengan jumlah sumber yang sama, menjurus kepada keuntungan yang lebih tinggi dan kecekapan ekonomi. Selain itu, negara-negara yang mempunyai produktiviti buruh yang tinggi lebih berdaya saing di pasaran global, menarik pelaburan asing dan mendorong pertumbuhan eksport. Kemajuan teknologi selalunya seiring peningkatan produktiviti buruh, memupuk inovasi, pewujudan pekerjaan dan kemampunan jangka panjang.

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) memainkan peranan penting dalam membentuk ekonomi Malaysia yang rancak dan dinamik. Perusahaan-perusahaan ini yang membentuk tulang belakang bagi rangkaian perniagaan, merangkumi pelbagai industri, memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi, menjana peluang pekerjaan dan inovasi. Walaupun skalanya kecil, kesan kolektif PMKS adalah besar, menjadikan mereka pendorong penting dalam pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial di Malaysia.



Merangkumi 97.4 peratus daripada jumlah perniagaan di Malaysia, bilangan PMKS berkurang 4.3 peratus untuk merekodkan 1.17 juta pertubuhan pada tahun 2022. Dalam pada itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) PMKS meningkat 11.6 peratus, lebih tinggi daripada KDNK negara. Sumbangannya kepada KDNK meningkat 38.4 peratus berbanding 37.4 peratus pada tahun sebelumnya. PMKS memiliki 48.2 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam negara, bersamaan dengan 7.59 juta orang. Bilangan guna tenaga PMKS meningkat 3.8 peratus berbanding dengan Bukan PMKS yang terus meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya (DOSM, 2023).

Dengan mengambil kira peranan penting yang dimainkan oleh PMKS dalam ekonomi Malaysia, artikel ini memberi tumpuan kepada perbandingan trend produktiviti buruh antara PMKS dan Bukan PMKS. Dengan mengkaji pertumbuhan produktiviti dalam segmen ini dan mengenalpasti sebarang variasi yang ketara, artikel ini bertujuan bagi menyediakan pandangan berhubung dengan prestasi segmen perniagaan masing-masing. Analisis perbandingan ini menyumbang kepada perbincangan yang berterusan mengenai peningkatan produktiviti dan pembangunan ekonomi, menyediakan maklumat penting kepada pembuat dasar, pihak berkepentingan & penyelidik untuk memupuk persekitaran perniagaan yang lebih cekap dan berdaya saing.

2.0 Metodologi dan Sumber Data


Kajian ini menggunakan pendekatan *mixed-methods* untuk menganalisis trend produktiviti buruh dalam kedua-dua segmen PMKS dan Bukan PMKS. Langkah awal adalah melibatkan pengumpulan data kuantitatif daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), yang menerbitkan statistik rasmi siri masa tahunan dari tahun 2016 hingga 2022. Produktiviti buruh ditakrifkan sebagai jumlah barangan dan perkhidmatan atau output yang dihasilkan dalam ekonomi bagi setiap unit buruh. Secara khususnya, indikator produktiviti buruh merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menghasilkan nilai ditambah yang diukur berdasarkan nisbah nilai ditambah pada harga malar kepada pekerja. Kajian ini mengumpulkan data bagi nilai ditambah dan guna tenaga mengikut sektor ekonomi daripada Laporan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang diterbitkan setiap tahun oleh DOSM. Selain itu, tinjauan komprehensif terhadap sorotan kajian daripada artikel, jurnal dan laporan menyediakan data sekunder untuk mendapatkan pandangan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi trend produktiviti.

3.0 Perbandingan Trend Produktiviti Buruh: Penemuan & Perbincangan

Bagi tempoh dari tahun 2016 hingga 2019, trend produktiviti buruh bagi PMKS menunjukkan pertumbuhan yang stabil tetapi sederhana antara 2.9 peratus dan 3.7 peratus. Sebaliknya, produktiviti buruh Bukan PMKS di Malaysia meningkat, dengan purata pertumbuhan 3.0 peratus antara tahun 2016 hingga 2019. Sekatan aktiviti sosial dan ekonomi utama serta prosedur operasi standard (SOP) yang ketat diperkenalkan dalam pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 telah mengakibatkan sama ada penutupan perniagaan atau pengurangan operasi oleh industri atas permintaan yang lebih rendah untuk barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah. Prestasi perniagaan yang kurang memberangsangkan pada tahun 2020 telah menyebabkan pembatalan atau pengurangan pengambilan pekerja baru dan mengurangkan jumlah pekerja.

Sehubungan itu, produktiviti buruh PMKS mengalami penurunan sebanyak 6.4 peratus pada tahun 2020 berikutan kemerosotan prestasi ekonomi. Pada tahun yang sama, PMKS mengalami penurunan produktiviti buruh yang lebih besar berbanding Bukan PMKS yang jatuh 4.7 peratus. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mekanisme yang lebih strategik dan bersasar untuk menangani situasi COVID-19 di Malaysia pada tahun 2021 memberi kesan positif terhadap ekonomi dan pasaran buruh negara yang memperoleh semula momentum pemulihan pada tahun tersebut. Produktiviti buruh PMKS pulih pada tahun 2021 dengan pertumbuhan 0.5 peratus tetapi dari segi nilai produktiviti masih lebih rendah berbanding tahun 2019, sekali gus menunjukkan ianya masih belum kembali ke tahap prapandemik. Sementara itu, produktiviti bagi Bukan PMKS meningkat 2.8 peratus, lebih tinggi daripada pertumbuhan PMKS yang mencatatkan pertumbuhan marginal 0.5 peratus pada tahun yang sama (**Carta 1**).

Carta 1: Produktiviti Buruh PMKS dan Bukan PMKS, 2015 - 2022



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, 2022, DOSM


Pada tahun 2022, PMKS dan Bukan PMKS menyaksikan trend peningkatan dalam produktiviti buruh. Walau bagaimanapun, PMKS menunjukkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding dengan Bukan PMKS, yang boleh dikaitkan dengan usaha pemulihan tertumpu dan kebolehsuaian mereka sebagai tindak balas terhadap landskap ekonomi pasca pandemik. Walaupun ini menunjukkan trend yang positif, adalah penting untuk diingat bahawa PMKS menghadapi beberapa cabaran dalam meningkatkan produktiviti, seperti akses terhadap modal, tahap penggunaan teknologi yang lebih rendah dan ketidakpadanan kemahiran dalam tenaga kerja mereka.

Perbandingan prestasi keseluruhan PMKS dan Bukan PMKS berhubung produktiviti buruh menunjukkan wujud jurang produktiviti antara kedua-dua kumpulan tersebut. Purata nilai produktiviti buruh bagi Bukan PMKS secara konsisten lebih tinggi daripada PMKS sepanjang tempoh analisis. Secara purata, Bukan PMKS mengatasi PMKS sebanyak kira-kira 33 peratus dari segi nilai produktiviti buruh. Tahap produktiviti yang lebih tinggi ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, termasuk skala ekonomi, pelaburan yang lebih besar dalam teknologi & automasi dan akses kepada pekerja mahir. Bukan PMKS secara amnya mendapat faedah daripada sumber yang lebih besar dan keupayaan untuk melaksanakan strategi meningkatkan kecekapan dengan berkesan. Jurang ini menekankan keperluan usaha yang disasarkan untuk menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh PMKS dan untuk mengecilkan jurang produktiviti antara kedua-dua segmen perniagaan ini di Malaysia.

Meneliti trend produktiviti buruh dengan lebih terperinci, ternyata terdapat corak tertentu yang perlu diberi perhatian. Walaupun kedua-dua PMKS dan Bukan PMKS mengalami penurunan sementara pertumbuhan produktiviti buruh semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 2020 akibat pandemik COVID-19, pemulihan tahun berikutnya bagi Bukan PMKS adalah lebih laju dan lebih ketara. Bukan PMKS dapat menyesuaikan dengan lebih pantas kepada perubahan landskap perniagaan, memanfaatkan teknologi digital dan peluang yang muncul daripada pengaturan kerja dari jarak jauh. Perbezaan kadar pemulihan ini seterusnya menekankan kepentingan dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh PMKS sebagai usaha meningkatkan produktiviti buruh mereka.

Secara umumnya, Bukan PMKS secara konsisten mengatasi PMKS dari segi produktiviti buruh bagi sektor ekonomi di Malaysia dari tahun 2016 hingga 2022 (**Carta 2**).

Carta 2: Produktiviti Buruh PMKS dan Bukan PMKS mengikut Sektor Ekonomi, 2016 - 2022



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, 2022, DOSM

Apabila menganalisis sektor Pertanian, adalah jelas bahawa pertumbuhan produktiviti buruh berbeza dengan ketara. Bukan PMKS mencatatkan purata kadar pertumbuhan tahunan sekitar 1.0 peratus, manakala PMKS mengalami kadar pertumbuhan negatif 1.4 peratus. Walau bagaimanapun, dalam

sektor Pembuatan dan Pembinaan, kedua-dua PMKS dan Bukan PMKS menunjukkan purata kadar pertumbuhan tahunan yang positif dari tahun 2016 hingga 2022. Secara khususnya, Bukan PMKS mencatatkan purata kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi dalam produktiviti buruh bagi sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing mencapai 3.1 peratus dan 1.5 peratus, berbanding PMKS dengan purata sekitar 2.5 peratus dan 0.8 peratus.

Namun begitu, PMKS dalam sektor Perkhidmatan menunjukkan purata kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 2.5 peratus dalam produktiviti buruh, mengatasi prestasi Bukan PMKS yang mencatatkan purata kadar pertumbuhan sebanyak 1.7 peratus. Pertumbuhan yang lebih tinggi ini boleh dikaitkan dengan kebolehsuaian dan tindak balas pantas PMKS terhadap perubahan pasaran. Selain itu, pendekatan proaktif mereka ke arah menerima inovasi dan penggunaan teknologi membolehkan mereka menyelaraskan proses, meningkatkan kecekapan operasi dan memacu produktiviti. Faktor-faktor yang digabungkan ini menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti yang ketara bagi PMKS dalam sektor Perkhidmatan berbanding dengan perniagaan yang lebih besar.

4.0 Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Produktiviti Buruh

Faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti buruh mempunyai kesan yang signifikan terhadap prestasi kedua-dua PMKS dan Bukan PMKS. Antara faktor tersebut adalah peruntukan sumber yang cekap, amalan pengurusan yang berkesan, akses kepada pembiayaan, daya saing pasaran dan infrastruktur berkualiti, dimana kesemuanya ini menyumbang kepada produktiviti dalam kedua-dua segmen perniagaan tersebut. Selain itu, penggunaan teknologi, pembangunan kemahiran dan inovasi adalah pemacu utama peningkatan produktiviti (Abdul Kadir et al., 2005; Kazaz et al., 2016; Damanhoury & Rana, 2017; Radło & Tomczek, 2022). Dengan menerapkan teknologi, perniagaan boleh menyelaraskan proses mereka, mengautomatiskan tugas dan meningkatkan kecekapan secara menyeluruh. Pelaburan dalam pembangunan kemahiran membolehkan tenaga kerja memperoleh keupayaan baharu, seterusnya membawa kepada peningkatan produktiviti. Selain itu, memupuk budaya inovasi dan menerima penyelesaian kreatif dapat memperkasakan perniagaan untuk mengatasi cabaran dan memacu peningkatan produktiviti.

Di Malaysia, menangani cabaran khusus yang dihadapi oleh PMKS, seperti sumber kewangan yang terhad, kesukaran dalam penggunaan teknologi, jurang kemahiran, beban kawal selia dan batasan pasaran telah menjadi keutamaan. Bagi tujuan ini, Malaysia *Productivity Blueprint*, yang menekankan teras strategik dapat menyediakan asas bagi dasar-dasar dan intervensi yang disasarkan untuk mewujudkan persekitaran bagi membolehkan PMKS meningkatkan produktiviti mereka. Melalui pelaksanaan strategi-strategi pelan tindakan dan memupuk kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan, Malaysia berhasrat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing melalui peningkatan produktiviti buruh.

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, perbandingan trend produktiviti buruh antara PMKS dan Bukan PMKS di Malaysia menyerlahkan keperluan usaha yang disasarkan bagi menyokong PMKS dalam meningkatkan produktiviti mereka. Rancangan Malaysia Ke-12 menetapkan sasaran untuk mencapai purata kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.5 peratus dalam produktiviti buruh PMKS dari tahun 2021 hingga 2025. Adalah penting bagi menangani cabaran seperti sumber kewangan yang terhad, kesukaran penggunaan teknologi, jurang kemahiran dan beban kawal selia untuk mencapai sasaran ini. Selain itu,

5 Teras Strategik Utama untuk Menangani Cabaran Produktiviti



1. Membina tenaga kerja masa depan



2. Memacu pendigitalan dan inovasi



3. Menjadikan industri bertanggungjawab terhadap produktiviti



4. Menempa ekosistem yang teguh



5. Menjamin mekanisme pelaksanaan yang kukuh

Sumber: Malaysia *Productivity Blueprint*

adalah disyorkan untuk menggunakan pendekatan multifaktor dalam mengukur produktiviti, dengan mempertimbangkan gabungan input yang digunakan untuk menghasilkan output tersebut. Gabungan input tersebut meliputi buruh, modal, tenaga, bahan dan perkhidmatan yang dibeli. Ini akan memberikan pandangan yang lebih komprehensif tentang pemacu produktiviti dan membimbing pembangunan dasar dan intervensi yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti dalam PMKS. Dengan mewujudkan persekitaran yang membolehkan dan melaksanakan strategi-strategi yang disasarkan, Malaysia dijangka akan mampu memperkasakan PMKS dan memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang mampan.

6.0 Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili DOSM

7.0 Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Jamaliah Jaafar, Pengarah Eksekutif daripada Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS) yang telah menyumbangkan pandangan, kepakaran dan bimbingan dalam penghasilan dan penambahbaikan artikel ini.

8.0 Rujukan

Abdul Kadir, M. R., Lee, W. P., Jaafar, M. S., Sapuan, S. M., & Ali, A. A. A. (2005). *Factors affecting construction labour productivity for Malaysian residential projects. Structural survey*, 23(1), 42-54.

Damanhour, A.M., & Rana, D. (2017). *Factors influencing labour productivity - an applied study of non-oil manufacturing sectors in the Kingdom of Saudi Arabia. Global Journal of Commerce & Management Perspective*, 6 (6), 60-71.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana*. Putrajaya: DOSM.

Unit Perancang Ekonomi. (2017). *Malaysia Productivity Blueprint*. Putrajaya: EPU.

Kazaz, A., Ulubeyli, S., Acikara, T., & Er, B. (2016). *Factors affecting labor productivity: perspectives of craft workers. Procedia engineering*, 164, 28-34.

Radło, M. J., & Tomeczek, A. F. (2022). *Factors Influencing Labor Productivity in Modern Economies: A Review and Qualitative Text Analysis. WSEAS Transactions on Environment and Development*, 18.

ARTICLE

LABOUR PRODUCTIVITY TRENDS: A COMPARISON BETWEEN MSMEs AND NON-MSMEs IN MALAYSIA


Muhammad Shafiq Harun¹; Zainol Jamil²

^{1,2} Malaysian Bureau of Labour Statistics, Department of Statistics Malaysia

1.0 Introduction

